

Kerjasama berjalan lancar

Dari muka depan

DE 15.2.2019 2

Bagaimanapun, beliau berkata kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Persekutuan berjalan lancar walaupun Menteriannya tidak mempunyai sebarang kuasa autonomi kerana mereka masih berbincang dengan Kerajaan Persekutuan.

“Esok (hari ini) saya akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pendidikan di Kuala Lumpur bersama-sama dengan Exco Pendidikan Negeri dari seluruh negara,” katanya.

Menurut Yusof, Menteriannya bekerjasama baik dengan Jabatan Pendidikan serta agensi berkaitan pendidikan di Sabah di mana Menteriannya memantau atau bertanggungjawab dalam pendidikan dari tadika ke sekolah rendah, sekolah menengah, kolej, universiti dan latihan keusahawanan.

Beliau juga berkata bahawa Menteriannya baru sahaja

menyelesaikan penstrukturan semula yang diluluskan oleh Kabinet Negeri pada Rabu.

Antara elemen yang diluluskan termasuk bertanggungjawab ke atas perpustakaan, biasiswa, unsur-unsur pembangunan hubungan korporat dan lain-lain untuk melengkapkan fungsi Kementerian itu.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata ketika ini sekolah pondok berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan dan Undang-Undang serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah.